

JABATAN KORPORAT

TARIKH:22.11.2023 MASA:04.40pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS SAMBUTAN BULAN INTEGRITI DAN IKRAR
BEBAS RASUAH PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAI 2023

TARIKH / MASA / TEMPAT
24 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)
3.00 PETANG

DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada petang ini dalam **Sambutan Bulan Integriti dan Ikrar Bebas Rasuah Peringkat Majlis Bandarya Seberang Perai 2023** di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya.

2. Saya mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Puan Elmariah Chung, Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Pulau Pinang (AADK); Encik Mohd Zaki Bin Ablah, Penolong Pengarah Pencegahan Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Pulau Pinang (AADK); Puan Suridah Binti Saadi, Ketua Daerah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Pulau Pinang (AADK), Seberang Perai Tengah; Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai serta para hadirin sekalian tuan-tuan yang sudi meluangkan masa untuk hadir dan bersama-sama memeriahkan suasana bagi menjayakan program pada petang yang indah ini.

3. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Penganjur Program, iaitu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) di atas komitmen yang jitu dan padu dalam kejayaan menganjurkan program ini. Sesungguhnya majlis ini merupakan satu usaha pengurusan MBSP untuk menyemarakkan semangat berintegriti di kalangan warga kerja MBSP.
4. Sambutan Bulan Integriti Nasional disambut pada 5 November setiap tahun, sejak tahun 2005 lagi. Tema Sambutan Bulan Integriti Nasional pada tahun 2023 adalah “Integriti Citra Malaysia Madani”
5. Bersempena dengan Sambutan Bulan Integriti 2023 ini, di peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai, sambutan diadakan dengan matlamat menyemarakkan dan membudayakan integriti di kalangan warga MBSP melalui tekad bahawa perjuangan memerangi rasuah perlu dilaksanakan secara bersama dan berterusan serta membudayakan integriti dengan memupuk nilai-nilai murni di kalangan pegawai dan kakitangan MBSP.
6. Sambutan Bulan Integriti Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai yang berlangsung sepanjang bulan November ini menunjukkan

komitmen dan aspirasi MBSP dalam menerap dan memperkasakan integriti selaras dengan membentuk pegawai dan kakitangan MBSP yang kukuh nilai moral serta ditunjangi budi pekerti luhur seperti termaktub dalam agenda Malaysia Madani.

7. Program-program yang telah dan sedang dilaksanakan pada tahun ini, sempena Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSP termasuklah:-
 - i. Ikrar bebas rasuah;
 - ii. Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) Langkah 5: Program Tanggungjawab Sosial;
 - iii. Penerimaan Sijil Tempat Kerja Bebas Dadah (PROGRAM TEKAD);
 - iv. Ujian Saringan Air Kencing; dan
 - v. Kuiz Integriti 2023.

8. MBSP mengambil serius pelaksanaan tempat kerja bebas dadah yang bertujuan untuk memastikan kawasan tempat kerja bebas daripada dadah. Gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat negara kita semakin meningkat di mana dadah yang asalnya banyak digunakan dalam bidang perubatan sebenarnya tidak berbahaya jika

ianya tidak disalahgunakan. Penyalahgunaan dadah terutama sekali ditempat kerja boleh mengakibatkan kurang keupayaan untuk bekerja dan boleh membawa masalah kepada majikan serta menjejaskan imej organisasi jabatan.

9. MBSP adalah salah satu organisasi yang terlibat dalam pelaksanaan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) yang merupakan satu program baru yang diperkenalkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Program ini bertujuan mendidik dan memberi pengetahuan mengenai bahaya penyalahgunaan dadah di tempat kerja kepada majikan dan pekerja serta memberi kemahiran dalam menguruskan pekerja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Di samping itu, ianya juga menyediakan program pemulihan yang berkesan dan mencegah penyalahgunaan dadah di tempat kerja dan mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat.

10. MBSP telah berjaya melaksanakan Kriteria I hingga V di bawah Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) untuk memperolehi Sijil Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) dan bukti MBSP sedia menyokong Strategi 5 Tahun Pulau Pinang Lawan Ancaman Dadah Ke Arah Merealisasikan Sasaran Misi Dadah Terkawal 2025.

11. Program Tanggungjawab Sosial yang dilaksanakan pada 19 Oktober 2023 di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Kampung Selamat adalah merupakan pelengkap untuk MBSP memperolehi Sijil Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD). Program Penanaman Pokok Bersama Klien PUSPEN Kampung Selamat telah dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan kerjasama daripada jabatan-jabatan dalaman MBSP yang lain iaitu Jabatan Perhubungan Komuniti dan Jabatan Landskap MBSP.

12. MBSP juga turut memberi sokongan Sumber Program Antidadah dengan mengedarkan risalah berkenaan dadah kepada orang awam yang berurusan di MBSP dan semasa Program *Trail of Seberang Perai* pada 14 Oktober 2023.

13. MBSP telah melaksanakan Ujian Saringan Air Kencing sebanyak tiga (3) kali kepada 202 kakitangan. Sempena Sambutan Bulan Integriti kali ini, ujian saringan air kencing secara mengejut akan diadakan kepada 100 orang kakitangan MBSP sebelum berakhir bulan November ini. Pelaksanaan ini dijalankan dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi tujuan program kesihatan. Hasil keputusan ujian saringan air kencing yang telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali di MBSP menunjukkan keputusan Negatif.

14. Selain itu, MBSP telah menganjurkan Kuiz Integriti pada 17 November 2023. Kuiz ini terbuka kepada semua warga MBSP dan seramai 65 orang warga MBSP telah mengambil bahagian. Kuiz ini adalah salah satu usaha untuk mempromosikan nilai integriti, moral dan etika dikalangan warga MBSP serta meningkatkan penghayatan dan kepentingan budaya kerja berintegriti dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan kakitangan MBSP.
15. Kupasan integriti mengaitkan elemen seperti etika iaitu tingkahlaku pekerja dan kejayaan yang melibatkan urusan yang adil dalam melaksanakan kerja mengikut KPI yang telah ditetapkan, kejujuran dan kebolehpercayaan di tempat kerja. Justeru MBSP amat komited dalam usaha meningkatkan integriti, membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan pecah amanah di kalangan kakitangan. Pepatah ada mengatakan, ***Mencegah Itu Lebih Baik Dari Mengubati***. Pembudayaan nilai-nilai integriti dalam kalangan warga kerja MBSP akan sentiasa diperluaskan dan mensasarkan MBSP untuk menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang berintegriti, telus dan sifar rasuah.

16. Saya amat berharap melalui program-program yang diadakan ini dapat menyediakan ruang untuk kakitangan memahami serta menghayati dan menghindari diri daripada amalan rasuah yang bertentangan dengan aktiviti dan kelakuan sebagai penjawat awam dan juga tidak terjebak dengan penyalahgunaan dadah di tempat kerja.

17. Dalam konteks MBSP, saya menyarankan agar setiap peringkat pengurusan mempertingkatkan aspek '*due diligence*' dalam pelaksanaan setiap tugas bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan ke arah kesejahteraan rakyat. Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk kesejahteraan rakyat di Seberang Perai, saya sentiasa menekankan agar konsep **ABC (*Amanah, Betul dan Cepat*)** diamalkan dalam pelaksanaan semua dasar dan program yang direncanakan serta tugas-tugas harian. Selain itu, kita juga perlu mengamalkan konsep SMART dalam melaksanakan tugas harian kita, *S- Specific, M- Measurable, A- Achievable, R- Reliable, T- Time* bagi memangkin Seberang Perai ke arah *liveable and aspiring city*.

18. Program sempena Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSP ini dapat menyebarkan mesej integriti dan kepentingan integriti dalam penyampaian perkhidmatan. Integriti merupakan elemen penting

untuk kesejahteraan warga MBSP. Pegawai dan Kakitangan MBSP yang berintegriti tinggi menjadi aset penting terhadap kejayaan MBSP. Hakisan nilai integriti dalam MBSP boleh mengakibatkan kepincangan pentadbiran dan salah laku dalam organisasi. Justeru itu, pengamalan dan pemahaman terhadap integriti dan etika amat perlu dilaksanakan.

19. Akhir sekali, saya menyeru agar seluruh warga kerja MBSP supaya dapat bergerak seiring terutamanya cara kita bekerja agar lebih cekap dan lebih pantas bertindak memberi maklumbalas kepada rakyat.

20. Dengan lafaz suci. ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya merasmikan **Sambutan Bulan Integriti dan Ikrar Bebas Rasuah Peringkat Majlis Bandarya Seberang Perai 2023.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.